

-PENGENALAN- RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB)



PENGENALAN AKRAB

- **AKRAB** adalah nama khusus yang diberikan kepada Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam sebagaimana yang termaktub di dalam Pekeliling
- **AKRAB** merupakan akronim kepada perkataan:
- Ciri-ciri yang dikehendaki ada pada mereka yang telah menjadi ahli **AKRAB**.

A : Amanah
K : Komitmen
R : Rasional
A : Akhlak
B : Bestari

PENGENALAN AKRAB

- **AKRAB kumpulan pekerja :**

yang menggerakkan budaya kerja berprestasi tinggi; dan

membantu mewujudkan suasana kerja yang harmoni serta saling bantu membantu.

- **Aktiviti AKRAB dimulakan pada**
Tahun : 2005
Di : 26 buah kementerian
Keahlian kini : 3550 orang.

LOGO AKRAB

Lambang Persekutuan
-berkhidmat dengan ikhlas untuk negara

Tiga (3) orang
-semangat setiakawan, sepakat,
kerjasama dan muhibbah

Bulatan
-kesepaduan, bersatu hati



Merah
-bersedia membantu dan membimbing

Kuning
-keceriaan, bebas dari belunggu masalah

Biru
-ketenangan, keharmonian,
warna kehidupan, kesetiaan
dan kemanusiaan

VISI & OBJEKTIF AKRAB


“menjadikan AKRAB sebagai penggerak pembangunan modal insan dalam pengurusan sumber manusia”

“menyediakan perkhidmatan membimbing bagi membantu rakan sekerja meningkatkan potensi dan kecemerlangan diri”

MISI AKRAB

1. Melaksanakan aktiviti khidmat membimbing kepada warga organisasi
2. Membantu pegawai yang memerlukan bantuan dalam menghadapi permasalahan kehidupan
3. Bertindak sebagai perantara antara pegawai dengan kaunselor dalam membuat saringan kesesuaian masalah
4. Mewujudkan hubungan baik dengan pihak pengurusan sumber manusia di agensi bagi memudahkan pelaksanaan aktiviti AKRAB

KONSEP AKRAB





PENGARUH SEORANG RAKAN TERHADAP RAKAN LAIN

- **Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:**
- **“Perumpamaan antara seseorang teman yang soleh dengan seorang teman yang buruk bagaikan pembawa minyak kasturi dengan peniup dapur api. Pembawa minyak kasturi itu boleh jadi akan memberimu atau engkau membeli darinya atau juga kamu mendapat harum dari wangiannya, sedangkan peniup dapur api boleh jadi ia akan membakar pakaianmu atau engkau akan mendapat bau busuk darinya.”**

(Riwayat dari Abi Daud dan

Tarmizi)



FOKUS AKRAB

KOMPETENSI	CONTOH INPUT	KAEDAH
Peribadi	<input type="checkbox"/> Pengurusan Kendiri <input type="checkbox"/> Memahami personaliti diri dan orang lain <input type="checkbox"/> Pengurusan emosi diri <input type="checkbox"/> Kemahiran Interpersonal	<input type="checkbox"/> Tunjukcara <input type="checkbox"/> Bimbingan Individu <input type="checkbox"/> Lawatan <input type="checkbox"/> Bengkel <input type="checkbox"/> Forum <input type="checkbox"/> Kempen
Profesional	<input type="checkbox"/> Kemahiran mentoring dan penyeliaan <input type="checkbox"/> Menyampaikan persembahan <input type="checkbox"/> Kemahiran kaunseling	<input type="checkbox"/> Bimbingan Kelompok <input type="checkbox"/> Seminar <input type="checkbox"/> Konvensyen
Sosial	<input type="checkbox"/> Kemahiran komunikasi <input type="checkbox"/> Kemahiran melayan pelanggan <input type="checkbox"/> Arsetif <input type="checkbox"/> Humanistik <input type="checkbox"/> Kemantapan keluarga berkerjaya	
Organisasi	<input type="checkbox"/> Memahami Budaya kerja organisasi <input type="checkbox"/> Tingkah laku warga organisasi <input type="checkbox"/> Semangat kerja berkumpulan	



STRATEGI PELAKSANAAN

BIL	PELAKSANAAN AKTIVITI	TINDAKAN
1	Latihan – Kemahiran Asas Kaunseling Tahap 1 dan Tahap 2	
2	Ditauliahkan sebagai AKRAB	
3	Menubuhkan Jawatan kuasa AKRAB di agensi	
4	Perancangan aktiviti AKRAB	
5	Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan aktiviti AKRAB sebulan sekali. Mengikut keperluan di agensi berkenaan.	
6	Penyediaan Laporan Aktiviti AKRAB	
7	Pemantauan Aktiviti AKRAB	
8	Penilaian AKRAB Utama dan AKRAB Gemilang	
9	Pencalonan AKRAB Utama (AU), AKRAB Gemilang(AG) peringkat kementerian	
10	Penambahbaikan / Kajian Keberkesanan AKRAB di Agensi	

APLIKASI AKRAB

- i) Program Pembimbing Rakan Sekerja (PRS) berkonsepkan rakan membantu rakan berteraskan;
 - Asas kaunseling profesional.
- ii) Diharapkan penyebaran luas amalan tersebut kepada semua peringkat di bahagian masing-masing dapat mewujudkan;
 - Keharmonian, keakraban, saling hormat menghormati potensi masing-masing serta mewujudkan budaya kerja yang cemerlang.
- iii) PRS bergerak dan bertindak sebagai satu pasukan bagi mencapai obkejtif, misi, visi dan peningkatan tahap keberkesanan serta imej organisasi.

MATLAMAT AKRAB



MATLAMAT AKRAB

i) Memberi sokongan kepada perubahan

- . Individu akan sentiasa memerlukan pandangan dan pendapat dari orang lain terutamanya daripada individu yang hampir dengan mereka. Oleh itu amat penting untuk mempunyai rakan-rakan yang berkebolehan untuk membantu menghadapi perubahan.

ii) Meneguhkan perubahan yang dibuat

Individu memerlukan peneguhan dan kepastian untuk melaksana perubahan, perubahan memerlukan iltizam dan kecekalan, oleh itu sokongan daripada rakan-rakan amat diperlukan. Contohnya memberi idea dan pandangan serta dorongan

iii) **Berkongsi pengalaman dengan ilmu pengetahuan**

Manusia perlu dengan pengalaman dan pengetahuan berharga yang dapat memberi manfaat kepada pekerja dan organisasi. Setiap pegawai mempunyai pengalaman yang berbeza, sekiranya ia dapat dikongsi bersama pelbagai idea dan pemikiran kreatif dapat dihasilkan.

iv. Berkongsi rasa dan perasaan

Perasaan dan emosi negatif yang dipendam lama-kelamaan mewujudkan konflik diri. Ia perlu disalurkan secara positif. Oleh itu, PRS membantu individu bermasalah meluahkan perasaan dan berkongsi pandangan dan pengalaman.

v. Memperkuatkan semangat dalam meneruskan perubahan

PRS membantu rakan-rakan sekerja dalam sesuatu kelompok meneruskan perubahan positif untuk kecemerlangan diri dan organisasi.

FAEDAH AKRAB

- i. Mewujudkan pekerja yang kompeten
- ii. Mewujudkan suasana kerja yang harmoni
- iii. Membantu mencari penyelesaian dan;
- iv. Pegawai atasan lebih empati kepada masalah kumpulan bawahan

KEPERLUAN AKRAB DALAM ORGANISASI

- Kesedaran mengenai **KEBAJIKAN** dan **KEPERLUAN SOKONGAN** dalam aspek **PSIKOLOGI** individu dalam organisasi
- Kesedaran dalam melihat kepentingan hubungan **INTERPERSONAL** dan kemahiran **KOMUNIKASI** berkesan untuk kesejahteraan organisasi
- Keadaan struktur organisasi melihat kepada penekanan aspek **KESEJAHTERAAN MINDA** dan **PERSEDIAAN UNTUK BERUBAH** amat diperlukan dalam organisasi

Bagaimana AKRAB Memainkan Peranan?

- Memahami **pengaruh** rakan sekerja yang memainkan peranan penting dalam kehidupan individu.
- Memahami bahawa individu **lebih selesa** untuk berbincang soal kehidupan dengan rakan sebaya lebih faham.
- Memahami bahawa pertolongan rakan sebaya lebih diambil kira dan ia berlaku **secara sukarela** jika rakan sebaya menggunakan **teknik membimbing yang berkesan**
- Memahami peri pentingnya **hubungan kemanusiaan dan persaudaraan** dalam organisasi dapat mewujudkan suasana harmoni

KESIMPULAN

Sesungguhnya usaha membimbing dan membangunkan potensi modal insan merupakan satu usaha yang amat murni. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan RAKAN Pembimbing Perkhidmatan Awam di agensi, semua pihak iaitu ketua jabatan, pegawai psikologi, pihak pengurusan sumber manusia dan ahli-ahli AKRAB perlu sentiasa bekerjasama antara satu sama lain.



LAMAN WEB

Link facebook AKRAB JKN Selangor

<https://www.facebook.com/pages/AKRAB-JKNS/588764417858274>

Link facebook Unit Psikologi & Kaunseling, Jabatan
Kesihatan Negeri Selangor

<https://www.facebook.com/pages/Unit-Psikologi-KaunselingJabatan-Kesihatan-Negeri-Selangor/325136673590>

